

14 OCT 1996

TENGGU RAZALEIGH ADA HAK DAN PELUANG YANG SAMA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bekas Presiden Semangat Parti Melayu Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah mempunyai hak dan peluang yang sama dengan semua anggota Umno dalam parti.

Anggota Umno boleh memilih atau menolak sesiapa saja dalam parti untuk menjadi pemimpin mereka, katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan Rekabentuk Malaysia '96 dan pelancaran "Malaysia Good Design Mark" di sebuah hotel di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan ketiga-tiga Naib Presiden Umno iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang menyerahkan kepada anggota parti untuk memilih pemimpin parti ketika diminta mengulas ramalan bahawa Tengku Razaleigh akan muncul semula sebagai seorang tokoh dalam Umno.

Ramalan itu dibuat oleh bekas Timbalan Presiden Umno Tan Sr Musa Hitam.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno berkata: "Semua terpulang kepada ahli-ahli Umno sendiri. Ahli-ahli Umno boleh pilih siapa juga untuk menjadi pemimpin, boleh menolak siapa juga sebagai pemimpin.

"Jadi kita tak kata dia (Razaleigh) tetap akan menjadi atau dia tetap tidak akan menjadi. Dia sekarang ini ialah ahli Umno, mempunyai hak yang sama dengan ahli Umno, mempunyai peluang yang sama dengan semua ahli Umno, jadi tidak ada perbezaan". -- BERNAMA

AFY MAI